

09/04/1997

Sidang video, kuliah maya di Universiti Putra

Khairul Anuar Samad

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mampu memainkan peranannya dalam menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui pelancaran UPMNet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke kampus itu, minggu lalu.

UPMNet adalah rangkaian komputer kampus yang menyambungkan 24 sistem rangkaian setempat (LAN) di fakulti atau pusat UPM. Pada masa ini terdapat 10,000 pengguna yang berdaftar dengan UPMNet, 7,000 daripadanya adalah pelajar.

Ia menggunakan gentian optik berkapasiti tinggi (panjangnya kira-kira 20 kilometer) berserta teknologi ATM sebagai tulang belakang yang membolehkannya mengakses ke Internet melalui Jaring dengan kelajuan 2Mbps.

Sebanyak 4,000 nod diperuntukkan untuk memenuhi kehendak pengguna yang semakin meningkat. Selain itu terdapat 24 subdomain di bawah UPMNet itu.

Bagi pelaksanaan dan pembangunan UPMNet, 800 stesen kerja SunSparc 5 dan 400 unit komputer peribadi (PC) Pentium disediakan untuk pensyarah dan pegawai pentadbiran.

Kini, kerangka utama IBM 3090 sudah dipertingkatkan kepada IBM S/390. Sebanyak 30 pelayan (server) digunakan bagi memenuhi kehendak sebahagian besar pengguna kampus UPM. Pelayan itu merangkumi pelayan surat, Lotus Notes, web, NIS, FTP, pangkalan data dan DNS.

Ada pelbagai jenis aplikasi digunakan dalam UPMNet bagi tujuan komunikasi, pentadbiran, pembelajaran, automasi pejabat dan maklumat timbal balik. Aplikasi itu mampu mengendalikan:

- * surat elektronik;
- * persidangan video bersemuka;
- * sistem maklumat pelajar;
- * sistem pentadbiran kewangan;
- * sistem maklumat kakitangan;
- * pembelajaran jarak jauh;
- * pemindahan fail;
- * pengolah kata;
- * pemerhatian imej;
- * pemprosesan statistik;
- * tempahan dewan pensyarah;
- * bilik darjah maya (virtual class);
- * permohonan cuti;
- * perakam waktu maya;
- * buletin pelbagai kampus
- * SSB dan
- * sistem pengurusan fail.

Selain daripada aplikasi berkenaan, ada juga pembangunan prototaip yang direka untuk membolehkan UPM menuju ke arah konsep masyarakat kampus tanpa kertas.

(END)